

# **BAHASA VERBAL DAN NON-VERBAL SEBAGAI CERMINAN MASYARAKAT DALAM NOVEL- NOVEL MELAYU**

Arba'ie Sujud  
Che Ibrahim Salleh  
Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

## **Pengenalan**

Setiap individu yang hidup dalam masyarakat akan terlibat dengan komunikasi. Dalam hubungan ini, bahasa sebagai medium yang menjalin aturan dan ikatan pemikiran antara dua pihak. Setiap individu lazimnya akan merancang bentuk pernyataan agar tidak menimbulkan sebarang implikasi kepada pihak lain. Terdapat dua bentuk pernyataan bahasa, iaitu pernyataan verbal dan pernyataan *non-verbal*. Bagi pernyataan verbal yang melibatkan pengucapan bersuara, tafsirannya lebih jelas dan ketara. Hal ini berbeza dengan pernyataan *non-verbal* yang lebih memperlihatkan penggunaan bahasa badan yang memberi tumpuan terhadap lambang atau reaksi tertentu yang bermakna. Untuk maksud ini, terjadinya komunikasi disebabkan wujudnya hubungan sosial. Dalam hubungan ini, budaya dan komunikasi mempunyai hubungan yang timbal balik. Budaya

menjadi sebahagian daripada perilaku komunikasi yang dapat menentu, memelihara, mengembang, atau mewarisi budaya. Budaya yang berbeza memiliki sistem nilai yang turut berbeza.

Ketika berkomunikasi dengan orang lain, kita dihadapkan dengan bahasa-bahasa, aturan-aturan, dan nilai-nilai yang berbeza. Untuk maksud ini, pernyataan sama ada yang dilakukan secara verbal atau *non-verbal* akan mengambil kira tatacara yang dapat memenuhi sifat kehalusan dan kemurnian sesuatu bahasa serta budaya. Hal ini disebabkan dalam menjalin komunikasi, aspek yang perlu dipertimbangkan ialah keintiman dan keupayaan menghasilkan tindak balas di antara satu sama lain. Ketegangan dan projeksi yang memungkinkan wujudnya penolakan dalam komunikasi akan mengakibatkan perkongsian maklumat tidak dapat dilakukan secara berkesan. Oleh yang demikian, kertas ini akan membincangkan bahasa verbal dan *non-verbal* sebagai cerminan masyarakat dalam novel-novel Melayu. Novel-novel yang digunakan adalah *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad, *Julia* karya Abu Hassan Morad, *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain, dan *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah.

### *Pernyataan Verbal*

Pernyataan verbal adalah pengucapan bersuara yang diterbitkan melalui penggunaan bahasa sebagai mediumnya yang bertujuan untuk melahirkan pemikiran, perasaan, dan tindak balas terhadap sesuatu isu atau persoalan. Dalam hubungan ini, pernyataan verbal yang diungkapkan oleh individu dikaitkan dengan sikap, tanggapan, status, serta niat sesuatu pengucapan itu dilahirkan. Bagi masyarakat Melayu, pernyataan yang lahir dalam konteks bersuara sangat erat hubungannya dengan nilai dan budi masyarakat Melayu. Maka, ungkapan “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya” sangat sinonim dengan pengertian bahawa dalam melahirkan sesuatu pernyataan, wajar dipertimbangkan cara penyampaiannya. Bagi masyarakat Melayu, mereka mempunyai tatacara pernyataan yang dapat dijadikan ukuran ketinggian nilai masyarakat.

### *Pernyataan Verbal Sebagai Cerminan Budi Masyarakat*

Dalam berkomunikasi, kebiasaan masyarakat Melayu memper-

timbangkan faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan dan jalinan antara mereka. Dalam banyak hal, orang Melayu lazimnya tidak suka berterus-terang. Mereka akan menggunakan atau memilih cara berbahasa yang cukup berkesan dan berhemah sama ada secara verbal maupun *non-verbal* untuk menyampaikan maksud. Ketelitian dan sikap berhati-hati dalam tindak tanduk dan pertuturan mereka ini berkait rapat dengan persepsi masyarakat Melayu sejak sekian lama. Mereka khuatir masyarakat di sekeliling akan tersentuh atau tersinggung dengan kata-kata atau tindak-tanduk. Sekiranya ini terjadi, akan menyebabkan berlakunya kerenggangan ikatan dan menyebabkan komunikasi tidak berlaku dengan intim dan maklumat tidak akan diperoleh semaksimum mungkin. Lantaran itu, mereka akan menggunakan bahasa kiasan untuk menyatakan maksud sebenar mereka. Ishak Haji Muhammad (1980) berkias untuk menyindir penjajah. Kiasan ini dapat dilihat melalui tutur kata Ratu Bongsu seperti berikut:

“Barangkali benar dan sungguh perkataan tuan itu tetapi perasaan saya luka sebab saya percaya kesalahan atau sebab-sebab mereka itu jadi papa ialah kerana tadbir bangsa tuan juga yang jadi pemerintah di negeri-negeri itu. Negeri-negeri Melayu itu bernaung di bawah kerajaan tuan tetapi pegawai-pegawai bangsa tuan yang mengemudikan tadbir pemerintahan itu telah meletakkan mereka itu *di bawah naungan payung sutera kuning yang nipis melayang, maka apabila datang hujan basah kuyuplah mereka itu dan apabila datang panas kurus kering pula mereka itu,*” kata Ratu Bongsu menyatakan perasaannya.”

(Putera Gunung Tahan, hlm. 69)

Tuturan halus yang digunakan oleh Ratu Bongsu dalam petikan di atas, sebenarnya membawa sindiran tajam kepada bangsa Inggeris. Orang Melayu marah apabila hak mereka terancam. Mereka benci akan bangsa yang cuba campur tangan dalam pentadbiran negara mereka, apatah lagi bangsa itu cuba mengeksplotasi ekonomi negara mereka tanpa menghiraukan kebijakan penduduk tempatan. Walau bagaimana benci sekalipun mereka terhadap kerakusan bangsa asing, namun mereka tetap mampu mengawal tingkah laku mereka dan mengekalkan budi bahasa Melayu.

Hal ini diperlihatkan melalui penggunaan bahasa-bahasa kiasan yang halus sifatnya. Contoh penggunaan bahasa kiasan selanjutnya dapat dilihat melalui kata-kata Ratu Bongsu seperti dalam petikan berikut:

Tuan William: "...Patik akan syurkan kepada kerajaan patik supaya membayar kepada tuanku lima ribu ringgit pada tiap-tiap bulan selama ada hayat tuanku. Patik akan syurkan juga kepada kerajaan supaya diuntukkan suatu kawasan yang luas dan elok kerana perguna tuanku dan di dalam kawasan itu akan didirikan sebuah rumah yang permai untuk tuanku – yakni istana bagi tuanku."

Ratu Bongsu: "Syur-syur yang seumpama itu tidak mendatangkan keriangan sedikit pun kepada saya kerana saya cukup mengetahui apa yang akan jadi kemudian kelak. Janganlah mulut saya tuan hendak suapkan pisang dan buntut saya hendak dikaitkan dengan duri."

(Putera Gunung Tahan, hlm. 59)

Perasaan, pandangan, dan pendapat yang dilontarkan melalui tutur kata kiasan dalam petikan di atas menunjukkan pendirian tegas anak Melayu. Ratu Bongsu merupakan lambang orang Melayu yang tegas pendiriannya. Prinsip hidupnya tidak goyah walaupun ingin disogok dengan wang ringgit yang agak lumayan jumlahnya, termasuklah segala kemewahan yang lain oleh Inggeris. Malah, Ratu Bongsu dengan tenang menolaknya dengan tutur kata yang halus sekali walaupun sistem nilai dan pandangan hidup Melayu sebenarnya sedang dicabar oleh bangsa penjajah pada ketika itu.

Selain itu, dalam novel ini juga, Ishak Haji Muhammad (1980) memperlihatkan penggunaan peribahasa dalam tutur kata orang Melayu. Penggunaan peribahasa turut mencerminkan kehalusan budi Melayu dalam menyampaikan sesuatu maksud, sama ada untuk memberi pengajaran atau teguran, menyatakan prinsip hidup, dan sebagainya. Perempuan Tua dalam novel ini misalnya, menggunakan peribahasa Melayu seperti "masuk kandang kerbau menguak, masuk kandang kambing membebek" untuk menegur tingkah laku Tuan Robert ketika tinggal bersama-sama orang sakai dalam hutan tersebut. Gambaran sedemikian dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“...Kita telah lantik dan jadikan tuan ‘Batin Putih’ penghulu kita dan itu ialah suatu jawatan yang tertinggi sekali di dalam hutan tempat kita ini. Apa lagi yang tuan mahu? Juga hendaklah tuan ingat! masuk kandang kerbau menguak masuk kandang kambing membebek’...”

(Putera Gunung Tahan, hlm. 29)

Peribahasa juga dapat melambangkan identiti Melayu, iaitu Melayu yang yakin akan keluhuran keturunannya. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“...Saya ini seorang anak raja yang terbuang tetapi saya sangat percaya akan perkataan orang – orang tua:- Kalau asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau. Sekarang saya cukup puas hati dan syukur saya kepada Tuhan dengan kehidupan saya seperti sekarang ini dan jauhlah saya daripada bercita-cita akan kebesaran dan pensyen atau sebarang tawaran yang bergula-gula.”

(Putera Gunung Tahan, hlm. 59-60)

Selain penggunaan peribahasa, orang Melayu juga suka menggunakan kata bidalan untuk menunjukkan identiti bangsa mereka seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

“Tuan William! Perkara itu baik kita tamatkan tetapi ingat-ingat kata bidalan orang Melayu: ‘Buat baik dibalas baik’ tetapi kalau berbuat anjaya? Sebaliknya, jangan pula tuan bimbangkan hal keselamatan tuan di sini sebab tuan sebatang karah. Kita orang Melayu sentiasa bangsawan dan budiman,” kata lagi Ratu Bongsu.

(Putera Gunung Tahan, hlm. 70)

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam novel *Konsertor Terakhir* (1980) karya Abdullah Hussain. Melalui pernyataan verbal, dapat dilihat betapa halus tutur kata masyarakat desa. Walaupun terpaksa menanggung beban ekoran daripada perbuatan Datuk Johari, namun Kassim yang juga abang sepupu Datuk Johari masih lagi mampu bertutur secara rasional apabila bertemu dengan adik sepupunya. Kassim sanggup mengahwini bekas isteri Datuk Johari yang ditinggalkannya sehari selepas perkahwinannya untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan antara keluarga Datuk Johari dengan pihak keluarga perempuan. Hasil daripada

perkahwinan itu, Datuk Johari mendapat seorang anak lelaki. Pernyataan verbal tentang kehalusan tutur kata yang mencerminkan ketinggian nilai budi masyarakat desa dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Ya anakmu. Aku sengaja menyimpan rahsia ini kerana aku tidak mau merosakkan rumah tanggamu. Aku tahu betapa rumitnya perkara yang serupa ini bagi orang yang baru mendirikan rumah tangga. Aku tak mau perkahwinan kamu berdua rosak. Aku diamkan.”

(Konserto Terakhir, hlm: 197)

Seterusnya, ketinggian budi masyarakat dapat dilihat menerusi peranan ibu tiri Julia. Dalam novel *Julia* (2000) karya Abu Hassan Morad, setelah kematian ibu bapa Julia, Ummi Sarah turut berusaha membantu menyelesaikan hutang-hutang butik. Pernyataan verbal tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“...Ummi sedang fikir nak besarkan butik. Hendak bayar hutang-hutang yang ada. Biarlah roh arwah abah dan mama tenang di dalam kubur.”

(Julia, hlm: 47)

Melihat kepada pernyataan yang dilakukan oleh watak-watak yang terdapat dalam teks yang diteliti ini, didapati bahawa pernyataan verbal berkait rapat dengan nilai masyarakat Melayu. Dalam hal ini, ukuran nilai baik dan nilai buruk itu bersifat subjektif kerana sistem nilai dalam sesuatu bangsa atau peradaban sesuatu tamadun budaya itu adalah berbeza-beza. Oleh yang demikian, A. Teeuw (1992:14-15) menjelaskan betapa pentingnya seseorang khalayak pembaca dan peneliti dari luar memahami beberapa kod atau tanda-tanda bahasa dan budaya yang digunakan serta diamalkan oleh masyarakat bagi memudahkan kefahaman dan pentafsiran. Dalam hubungan ini, Rachmat Djoko Pradopo (1987:254) pula menjelaskan bahawa sistem kemasyarakatan, adat istiadat, pandangan masyarakat, kesenian, dan kebudayaan mempunyai hubungan dengan tanggapan masyarakat. Hal ini akan mempengaruhi pengungkapannya dalam karya sastera. Oleh itu, penerapan sosiobudaya dalam mengungkapkan pernyataan mungkin boleh diperoleh melalui pengalaman peribadi atau pemerhatian langsung terhadap fenomena yang melatari kehidupan masyarakat yang diwakilinya.

## Pernyataan Verbal Sebagai Cerminan Kebangkitan Semangat Nasionalisme Melayu

Setiap rakyat tidak kira bangsa, agama, atau status dalam masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab tertentu kepada negaranya. Tanggungjawab setiap individu dapat dibezakan berasaskan status atau kedudukan seseorang dalam masyarakat. Namun dalam konteks penyuburan semangat nasionalisme, perkara ini agak berbeza. Hal ini disebabkan perasaan dan semangat nasionalisme yang wujud dalam diri rakyat akan dikongsi bersama. Dalam hubungan ini, kekuatan semangat nasionalisme Melayu dapat dilihat sejak zaman dahulu lagi. Melalui novel *Putera Gunung Tahan*, Ishak Haji Muhammad (1980) mengimbaskan kembali detik-detik kehandalan pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang seperti Bahaman, Mat Gajah, dan Mat Kilau menentang penjajah yang menjadi ikutan generasi kini. Semangat nasionalisme yang tinggi dan jasa mereka tetap dikenang serta menjadi sebutan. Malah, semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh mereka terus menjadi ikutan generasi Melayu dari zaman berzaman. Bangsa Melayu bangsa bermaruah; bangsa Melayu bukan bangsa yang materialistik sehingga sanggup menggadai maruah demi kemasyhuran dankekayaan dunia. Semangat nasionalisme yang jitu dalam jiwa Melayu ini dapat dilihat melalui watak Perempuan Tua. Dia tidak sekali-kali mahu negerinya dijajah oleh bangsa asing. Ini dapat dilihat seperti dalam petikan dibawah:

*Perempuan Tua*: “Pada masa itu kami belum tahu lagi apakah gunanya atau faedahnya yang kami boleh dapat daripada pernaungan kerajaan tuan itu. Lagi pun kami sangat sayang akan negeri kami sehingga tidak rela sekali-kali kami negeri kami diambil atau diperintah oleh orang bangsa asing. Apatah lagi bangsa itu berlainan agama dan berlainan serba-serbinya.”

(Putera Gunung Tahan, hlm. 35)

Selanjutnya, semangat nasionalisme Melayu juga ditonjolkan oleh pengarang melalui watak Ratu Bongsu. Ishak Haji Muhammad (1980) sangat sayangkan negerinya. Oleh itu, dia cuba meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakatnya. Kenyataan tersebut dapat

dilihat melalui dialog Ratu Bongsu dan Tuan William seperti dalam petikan di bawah:

“...Saya tidak sekali-kali akan membenarkan dan menjualkan tanahair saya yang secebis ini walaupun dibayar dengan harga setinggi gunung ini atau walaupun diberi gelaran tuan bintang kebesaran berpuluhan-puluhan butir.”

(Putera Gunung Tahan, hlm. 58-59)

Pernyataan verbal yang diucapkan dengan tegas dan berterus terang ini selaras dengan gelodak jiwa dan nilai rasa untuk membangkitkan semangat perjuangan. Malah, nada yang disuarakan juga bersifat tegas. Berkaitan dengan hal ini, semua pihak sewajarnya mempunyai rasa dan tanggungjawab yang sama untuk bangkit dan menyuarakan ketidakpuasan hati jika ada pihak yang cuba memperkotak-katikkan bangsa Melayu. Semua pihak, tanpa mengira bangsa dan keturunan, sangat penting dalam konteks sesebuah negara. Namun begitu, tidak bermakna mereka yang berperanan dan bertanggungjawab kecil menganggap dirinya tidak penting. Walau sekecil mana sekalipun sumbangan seseorang kepada negaranya, hal ini masih tetap dianggap besar. Apatah lagi apabila sumbangan dan tanggungjawab mereka berupaya dan diperlukan dalam menentukan corak kepemimpinan dan pentadbiran sesebuah negara. Dalam hal ini, tanggungjawab kepada negara merangkumi hal-hal yang berhubung dengan kesetiaan, semangat patriotisme, dan nasionalisme kepada tanah air, bangsa, dan agama.

Kesetiaan merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh setiap rakyat kepada negaranya. Hakikat ini telah termaktub dalam Rukun Negara yang ketiga, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Prinsip Rukun Negara yang berteraskan kesetiaan ini bertujuan untuk melahirkan individu dan masyarakat yang setia dan cinta terhadap raja serta negaranya. Hal ini akan mewujudkan rakyat yang produktif dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Berasaskan prinsip kesetiaan ini, adalah dijangkakan dapat melahirkan rakyat yang menghormati harta awam, menghormati simbol-simbol kedaulatan negara, mematuhi undang-undang, produktif, dan berusaha meningkatkan nama baik negara. Dalam hubungan ini, seperti yang dinyatakan oleh Zahid Emby (1997:206), rakyat yang setia adalah mereka

yang sanggup untuk menyumbang masa dan tenaga demi pembangunan negara. Di samping itu, mereka perlu mempunyai rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi serta sanggup mempertahankan negara dari sebarang ancaman yang bersifat altruistik.

Dalam pengertian sesebuah negara yang merdeka, kesetiaan bermaksud kepatuhan dan kesediaan untuk mematuhi perkara-perkara yang ditetap serta diputuskan tanpa sebarang rasa ragu atau curiga demi mencapai kesejahteraan dan keamanan. Dalam hal ini, rakyat perlu mengutamakan kepentingan negara lebih daripada dirinya. Bagi rakyat yang melanggar atau mengenepikan soal kesetiaan ini, kesannya boleh merosakkan kestabilan dan keamanan sesebuah negara. Kecurangan rakyat yang tidak setia ini telah diceritakan dalam *Sejarah Melayu* melalui peristiwa bendahara yang membocorkan rahsia kekuatan dan membuka pintu masuk ke Melaka kepada askar Majapahit untuk menyerang negeri tersebut pada masa itu. Perbuatan bendahara ini disebabkan sikap sakit hatinya terhadap Paduka Raja yang telah memberi malu kepadanya. Perihal kesetiaan juga turut termetri dalam sumpah Wan Empuk dan Wan Walini melalui persetiaan dengan Demang Lebar Daun. Oleh itu, dalam konteks penyuaran secara terus terang, ada ketikanya sangat wajar dan relevan terutama yang berkaitan dengan semangat nasionalisme atau kebangsaan.

### Pernyataan Verbal Sebagai Cerminan Adat Sopan Orang Melayu

Menghormati tetamu merupakan salah satu adat sopan budaya Melayu. Adat melayan tetamu ini amat ditekankan oleh Ishak Haji Muhammad. Dalam novel *Putera Gunung Tahan* (1990), Ratu Bongsu dan Perempuan Tua mewakili bangsa Melayu yang masih mengekalkan adat Melayu, iaitu menghormati tetamu. Walaupun berada di tengah-tengah belantara, budi bahasa Melayu tetap dijaga, seperti peribahasa “tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas”. Jati diri Melayu terserlah melalui layanan Perempuan Tua terhadap Tuan Robert, walaupun dia mengetahui Tuan Robert adalah musuh bangsanya. Baik dari gerak laku maupun tutur katanya amat dikagumi oleh Tuan Robert. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah;

“Mak! Bolehkah saya tumpang tanya?” Perempuan tua itu tidak menjawab dan berkesut sedikit daripada tempat duduknya memberi lapang kepada orang putih itu supaya ia duduk.

“Silalah tuan duduk dahulu, sudikanlah bertenggek di pondok saya ini kerinduan jikalau ada apa-apa hal bolehlah tuan nyatakan,” – demikian katanya dengan menunjukkan kehormatannya sebagai seorang Melayu

Tuan Robert tersangatlah hairan melihatkan tingkah laku perempuan tua itu sambil berkata di dalam hatinya: “Tidaklah sesia rupanya beberapa orang yang telah memuji akan perangai dan budi bahasa orang Melayu kerana walaupun di tengah hutan rimba ini tertib dan adabnya tidak sedikit pun berubah. Sesungguhnya saya tidak akan berjumpa dengan manusia seumpama ini lagi.”

(Putera Gunung Tahan, hlm 26-27)

Demikian juga sikap yang ditunjukkan oleh Ratu Bongsu. Ratu Bongsu juga melayan Tuan William dengan baik walaupun dia tahu tujuan Tuan William ialah untuk menakluki Gunung Tahan. Tingkah laku Ratu Bongsu yang bersifat kesederhanaan menyerlah ketika melayan tetamu walaupun dia berkedudukan tinggi di situ. Sifat kesederhanaan merupakan salah satu ciri budaya Melayu yang menjadi pedoman hidup masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat dalam dua petikan di bawah:

#### Petikan I

“Tuan dipersilakan duduk”, ujar Putera Gunung Tahan seraya menunjukkan sebuah kerusi yang tidak berapa jauh dari takhta singgahsananya.

“Tuan ini datang dari mana dan apa bangsa tuan?” bertanya anak raja itu.

(Putera Gunung Tahan, hlm: 57)

#### Petikan II

“Tuan William! Perkara itu baik kita tamatkan tetapi ingat-ingat kata bidalan orang Melayu, ‘buat baik dibalas baik’ tetapi kalau berbuat anjaya? Sebaliknya jangan pula tuan bimbangkan hal

keselamatan tuan di sini sebab tuan sebatang karah. Kita orang Melayu sentiasa bangsawan dan budiman,” kata lagi Ratu Bongsu.

(Putera Gunung Tahan, hlm: 70)

Mesej atau pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang adalah betapa halusnya adat sopan Melayu ketika melayan tetamu serta terdapat keseimbangan antara gerak laku dan tutur kata. Sehubungan itu, keutuhan peribadi seseorang dalam masyarakat Melayu dapat dilihat melalui budi bahasa dan sopan santun.

### Pernyataan Verbal Sebagai Cerminan dalam Pembentukan Sistem Kekeluargaan Positif

Pernyataan verbal sebagai cerminan dalam pembentukan sistem kekeluargaan positif dapat dilihat dengan jelas dalam novel *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad dan *Julia* karya Abu Hassan Morad. Hubungan kekeluargaan merupakan satu aspek yang sangat diambil berat dalam keluarga Melayu. Ibu bapa dalam masyarakat Melayu sentiasa mengambil berat terhadap anak-anak mereka. Anak-anak akan diberi pendidikan yang terbaik. Begitu juga dengan Perempuan Tua dalam novel *Putera Gunung Tahan*. Dia sanggup berpisah dengan anaknya, Tahan untuk membolehkan Tahan menuntut ilmu yang ajaib-ajaib di puncak Gunung Tahan. Dalam teks ini, kelebihan wanita Melayu mempunyai cara pemikiran dan strategi yang tersendiri dalam mendidik dan membesarakan anak. Namun begitu, keakraban hubungan antara ibu dan anak dalam kalangan masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan. Walaupun tinggal berjauhan, Perempuan Tua yang digambarkan dalam novel tersebut sentiasa bertanya khabar dan memberi nasihat kepada anaknya. Unsur kasih sayang merupakan salah satu unsur yang tersemai dalam masyarakat Melayu. Hal sedemikian dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Adakah sebenarnya orang ini sahabat anakanda? Berapa lama sudah anakanda bersahabat dengan dia dan apa kebaikannya?” bertanya perempuan itu dengan berupa bimbang.

“Bonda dengan tulus ikhlasnya memuji akan kebaikan budi pekerti dan perasaan anakanda terhadap kepada seorang dagang seumpama Tuan William ini tetapi ingat-ingat! Anakanda mesti ingat dan jangan percaya sangat akan seorang dagang seperti itu. Sekarang selamat tinggal! Jaga-jaga dan ingat-ingat akan pesanan bonda itu,” kata perempuan itu mengakhiri pesanannya kepada Ratu Bongsu.

(Putera Gunung Tahan, hlm.75-76)

Dengan merujuk kepada pernyataan tersebut, dapat dilihat bahawa sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu tetap utuh. Unsur kasih sayang yang tersemai antara ibu dan anak menjadi tali pengikat kepada keutuhan sistem kekeluargaan. Sebagai seorang ibu yang luas pengalamannya tentang “asam garam” kehidupan, kata-kata peringatan yang diberikan kepada anaknya, Ratu Bongsu dapat dijadikan garis panduan kepada si anak dalam urusan kehidupan.

Sistem kekeluargaan yang positif juga dapat dilihat melalui pernyataan verbal dalam novel *Julia* (1996). Abu Hassan Morad menggunakan pernyataan verbal untuk mencerminkan sistem kekeluargaan yang positif untuk membantu ke arah pembentukan moral yang baik. Datin Maznah, selaku ibu kepada Julia sering menasihati Julia agar menjadi gadis yang baik dan sentiasa menjaga batas-batas pergaulan. Puan Maznah menasihati Julia kerana dia sering keluar melepak bersama kawan-kawannya. Dari sudut psikologi, seseorang yang bertindak seperti Julia adalah disebabkan oleh kerakusan id, mementingkan keseronokan yang gagal dibendung oleh ego. Misalnya:

“Mama sebenarnya tak kisah kalau sesekali, tetapi Julia selalu begini. Kebebasan perlu ada batasnya.”

(Julia, hlm: 7)

Memandangkan Julia tidak juga berubah, Datin Maznah dan Datuk Bakar mengambil tindakan tegas, iaitu menghantar Julia ke Australia untuk belajar agama. Etika kekeluargaan yang mementingkan pembentukan moral yang baik dalam kalangan anak-anak dapat dilihat dalam petikan berikut:

“...Abah dan Mama sudah buat keputusan ...Abah nak hantar Julia belajar ke Australia.”

“...Abah akan dapatkan sekolah terbaik untuk Julia. Minggu depan kita akan bertolak.”

(Julia, hlm: 8)

Akhirnya, Julia menyedari akan manfaat nasihat dan ketegasan ibu bapanya selama ini. Hal ini disebabkan ada di antara kawan-kawan Julia terlibat dengan pengedaran dadah dan terjerumus ke lembah maksiat.

“...Mujurlah abah dan mama menyelamatku kalau tidak aku juga senasib dengan mereka”.

(Julia, hlm: 154)

Pernyataan verbal sebagai cerminan pembentukan sistem kekeluargaan yang positif juga dapat dikesan dalam novel *Konserto Terakhir* 1980), karya Abdullah Hussain. Melalui pernyataan verbal dapat dilihat pendidikan yang berunsur nasihat melalui watak Pak Bakar dan isterinya kepada anak mereka, Azizah yang tidak puas hati dengan keadaan rumah tangganya. Unsur etika kekeluargaan positif yang mementingkan kasih sayang dan keharmonian rumah tangga dapat di lihat dalam petikan di bawah:

“Itu biasa. Mak kau juga begitu, malah lebih parah lagi. Dulu ia itu pergi angkat air dari paip di tepi jalan, mencari kayu api untuk masak, menghembuskan api di dapur sampai merah mata. Jaga kau, juga abang kau sebelum itu. Tak pernah dia komplen...

“Sudahlah Zah,” ujar ibunya pula dan meletakkan tangannya menyelang di atas bahu anaknya itu. “Baliklah dan duduk baik-baik...

(Konserto Terakhir, hlm: 167)

## Pernyataan Verbal Sebagai Cerminan Kepercayaan Masyarakat Malaysia

Bahasa merupakan satu jenis perilaku atau perbuatan bahasa yang mempunyai satu situasi penggunaan. Dalam hal ini, bahasa sebagai alat

komunikasi yang dilihat dari segi penghasilan linguistik pada setiap peringkat apa sekalipun yang dibuat dengan sesuatu niat. Berhubung dengan konteks pernyataan verbal bahawa sesuatu yang dilafazkan itu mempunyai keyakinan dan niat, dapat dilihat pada kelaziman jika disebut orang “Melayu” bererti orang itu beragama Islam. Orang Melayu berpegang teguh kepada agama Islam. Malah, mereka cuba menyebarkan agama suci ini. Orang Melayu percaya, tiada Tuhan yang wajib disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya dan dialah nabi terakhir sekali. Itulah yang diajarkan oleh Perempuan Tua itu kepada orang-orang sakai yang menyembah pokok kayu, batu, busut, dan benda-benda lain. Kehidupan yang menuruti ajaran Islam merupakan perkara penting dalam menentukan sistem nilai masyarakat Melayu Islam.

Pada umumnya, orang Melayu amat mementingkan soal-soal agama Islam. Mereka yakin agama Islam dapat dijadikan panduan dalam urusan kehidupan masyarakat keseluruhannya. Menyedari pentingnya agama Islam sebagai penunjuk jalan kebenaran dan agen penyatuan masyarakat, Ishak Haji Muhammad menggambarkan watak Perempuan Tua dalam novel *Putera Gunung Tahan* mewakili orang Melayu yang prihatin serta sedar akan kepentingan ini. Oleh itu, dia berusaha mengembangkan agama suci ini dalam kalangan masyarakat sakai.

Melalui pernyataan verbal juga dapat dilihat kepercayaan karut yang masih lagi menjadi kepercayaan kepada masyarakat Malaysia. Keadaan sedemikian dapat dilihat dalam novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah (1991). Kepercayaan segelintir masyarakat Cina yang mengatakan bahawa kehadiran seseorang anak boleh membawa sial kepada sesebuah keluarga telah menyebabkan golongan tersebut kerugian kerana mereka sanggup membuang darah dagingnya sendiri. Selain itu, si anak juga mengalami penderitaan kerana tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa kandung. Golongan itu diwakili oleh Encik Lee. Fenomena tersebut tercetus kerana Encik Lee sedang menghadapi mekanisme helah bela diri secara rasionalisasi. Tindakan Encik Lee selaras dengan “Mekanisme Helah Bela Diri Freud” yang mengatakan seseorang itu bertindak demikian kerana mengalami proses memberi alasan kepada kenyataan yang tidak boleh diterimanya (Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub, 1997: 22). Encik Lee gagal dalam perniagaan lantas

mengaitkan kegagalan tersebut disebabkan oleh kehadiran Anita. Ini dapat dilihat melalui pernyataan verbal di bawah:

“Siapa suruh kamu datang ke sini? Aku tak ada anak pembawa sial macam kau! ...Patutlah bisnes aku merosot akhir-akhir ini, rupa-rupanya budak sial ini datang ke sini!”

(Seteguh Karang, hlm: 234)

Pernyataan verbal yang mencerminkan kepercayaan karut yang membawa kepada kerosakan akidah dapat dikesan dalam novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain (1990). Pengarang memperlihatkan golongan kaya di bandar seolah-olah menaruh pergantungan sepenuhnya kepada bomoh. Kepercayaan yang berlebihan telah menyebabkan golongan tersebut tidak bergantung kepada Allah dan melahirkan perbuatan syirik yang boleh memesongkan akidah masyarakat. Jika dilihat dari sudut psikologi, masyarakat bertindak sedemikian kerana mereka berada dalam mekanisme helah bela diri pengalihan. Misalnya, Datin Salmah percaya Hilmi telah menggunakan bomoh atas perubahan sikap Hayati. Sedangkan perubahan sikap Hayati adalah disebabkan oleh sikap Datin Salmah yang tidak pernah mengambil tahu masalah anaknya. Dalam hal ini, Datin Salmah sangat percaya bomoh yang diupah oleh Hilmi yang telah membuat Hayati berubah. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan verbal seperti dalam petikan di bawah:

Beberapa kali Datin Salmah mendesak suaminya supaya menulis surat ke kampungnya bertanyakan Hilmi, kalau benar Hilmi ada menggunakan sesuatu kuasa ghaib, apa salahnya berterus-terang meminta ia mencabut kuasa ghaibnya itu dari Hayati. “Biarlah kita bayar wang kepadanya, tidak mengapa, asalkan anak kita tidak menjadi dungu serupa itu,” katanya.

Tetapi Datuk Johari selalu menolaknya itu, “Tak mungkin Hilmi berbuat serupa itu. Tak mungkin,” katanya.

“Itulah *you*,” ujar isterinya. “Tak pernah mau percaya cakap orang.”

(Seteguh Karang, hlm: 125)

### Pernyataan *Non-Verbal*

Setiap kali wujudnya jalinan interaksi verbal antara dua pihak, tanpa disedari akan melibatkan gerak laku atau gerak geri kecil (*gesture*), gerakan mata, perubahan sikap tubuh, dan ekspresi wajah. Secara sedar atau tidak, perlakuan dan gerak yang dimunculkan ini menjadi pelengkap kepada situasi berbicara yang sebenarnya. Namun dari satu sudut, telah wujud interaksi menggunakan bahasa tanpa ucapan (*non-verbal*) yang masih lagi mempunyai makna dan tafsiran khusus. Bahkan adakah perlakuan atau pernyataan bahasa tanpa ucapan ini mampu memberi kesan kepada pasangan yang diajak untuk berinteraksi. Bagi maksud ini, penelitian dilihat kepada pernyataan *non-verbal* yang bersifat tindakan dan tatalaku penutur yang dapat memberikan gambaran tentang sikap dan pengamatan watak dalam novel yang diteliti.

### Pernyataan *Non-Verbal* Sebagai Cerminan Adat Melayu Tetamu

Kontak mata, ekspresi wajah, dan gerakan kepala berperanan membentuk jalinan interaksi. Dalam hal ini, gerak-geri dan perlakuan yang terpancar dan tercermin akan menggambarkan atau mengemukakan sebahagian besar daripada sesuatu yang difikirkan. Gordon R. Wainwright (2006), mengemukakan terdapat lima (5) perbezaan fungsi yang dapat diwakili oleh gerak-geri yang sebahagiannya dapat dilambangkan sebagai pernyataan *non-verbal*. Pertama, ilustrasi dan isyarat-isyarat penghubung bicara lainnya. Kedua, isyarat-isyarat konvensional dan bahasa isyarat. Fungsi ketiga merujuk kepada gerakan mengekspresikan emosi. Sementara fungsi empat berkaitan dengan gerakan yang mengekspresikan keperibadian, dan fungsi kelima menyentuh gerakan yang digunakan dalam pelbagai kegiatan memberi pemaknaan tertentu, terutama berkaitan dengan kegiatan keagamaan dan ritual.

Paul Eckman dan Wallace Friesen (2006) juga mengemukakan bahawa ada lima (5) kelompok pesan yang boleh diwakili oleh gerak-geri, iaitu pertama; perlambang, iaitu gerakan yang mewakili kata-kata. Kedua; *illustrator* gerakan yang menyertai bicara. Ketiga; *regulator* (gerakan yang mengisyaratkan perubahan pada saat orang sedang mendengar atau berbicara), keempat; *adaptor* gerakan tanpa arah yang

menghindari sinar cahaya, dan yang kelima memperlihatkan emosi secara langsung seperti ekspresi wajah.

Gerak-geri dapat digunakan untuk memperlihatkan serangkaian sikap, emosi, dan pesan-pesan lainnya. Michael Argyle (2006), mengatakan sejumlah gerak-geri konvensional yang memiliki makna universal. Contohnya, menggongangkan kepalan tangan sebagai tanda marah; menggosok-gosokkan telapak tangan ketika sedang menunggu dan mengharapkan; menepuk-nepuk tanda persetujuan; mengangkat satu tangan untuk meminta perhatian; menguap kerana bosan, dan sebagainya.

Gerard Nierenberg dan Henry Calero (2006), mengemukakan bahawa gerak-geri digunakan untuk mengekspresikan pelbagai hal, antaranya keterbukaan, sikap bertahan, kesiapan, mententeramkan hati, kecewa, keyakinan diri, kegelisahan, penerimaan, pengharapan, hubungan, dan kecurigaan. Mereka menunjukkan bahawa gerak-geri ini tetap digunakan meskipun dalam situasi apabila lawan bicaranya tidak kelihatan, seperti ketika sedang melakukan komunikasi melalui telefon, atau dengan menggunakan alat perakam.

Dalam hal ini, jelas dapat dilihat kekayaan makna komunikasi tanpa suara. Pernyataan *non-verbal* dapat dilihat dalam novel *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad, *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah, dan *Konsertor Terakhir* karya Abdullah Hussain. Masyarakat Malaysia sentiasa mengutamakan tetamu kerana menghormati tetamu adalah sebahagian daripada tanggungjawab. Hal ini turut dituntut dalam ajaran Islam yang memberi keutamaan kepada tetamu. Tetamu mempunyai hak di sisi agama Islam dan budaya Melayu. Misalnya, dalam melayan kehadiran tetamu, masyarakat Melayu sedapat mungkin akan memberikan layanan yang terbaik, sama ada berkaitan dengan tutur kata, tindak-tanduk, mahupun yang berkaitan dengan adat dan amalan. Hal ini akan mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu dari kaca mata masyarakat luar atau tetamu berkenaan. Hal ini dapat dilihat dalam teks *Putera Gunung Tahan*, misalnya:

“Mak! Bolehkah saya tumpang tanya?” Perempuan tua itu tidak menjawab dan berkesut sedikit daripada tempat duduknya memberi lapang kepada orang putih itu supaya ia duduk.

“Silalah tuan duduk dahulu, sudikanlah bertenggek di pondok saya ini kemudian jikalau ada apa-apa hal bolehlah tuan nyatakan,” – demikian katanya dengan menunjukkan kehormatannya sebagai seorang Melayu.

(Putera Gunung Tahan, hlm. 26)

Perempuan Tua yang digambarkan oleh pengarang dalam petikan di atas memperlihatkan budaya Melayu yang amat menghormati tetamu. Tidak kira siapa tetamu itu, yang pasti orang itu sedapat mungkin akan dilayan dengan baik. Lantaran itu, “Orang Putih” tersebut dilayan dengan baik oleh Perempuan Tua walaupun menyedari “Orang Putih” itu merupakan bangsa penjajah negaranya sendiri. Contoh seterusnya dapat dilihat melalui perwatakan Ratu Bongsu. Layanan Ratu Bongsu kepada tetamunya (“Orang Putih”) adalah mengikut adat budaya Melayu. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Tuan dipersilakan duduk”, ujar Putera Gunung Tahan seraya menunjukkan sebuah kerusi yang tidak berapa jauh dari takhta singgahsananya.

(Putera Gunung Tahan, hlm. 57)

Dalam hal lain juga, Ratu Bongsu dilihat amat mengambil berat dan prihatin terhadap kebijakan tetamunya. Menyedari Tuan William agak kesunyian tinggal di Puncak Gunung Tahan, maka dia cuba menghiburkan tetamunya dengan menunjukkan benda ajaib yang terdapat di situ. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Saya percaya tuan telah mulai merasa jemu jelak dengan kehidupan di sini. Oleh itu, sukalah saya menunjukkan suatu benda, marilah kita pergi ke sana,” seraya menunjukkan arah ke serumpun buluh gading yang tumbuh dengan rimbunnya di tepi sebuah tasik kecil.

(Putera Gunung Tahan, hlm: 62)

## Pernyataan *Non-Verbal* Sebagai Cerminan Adat Hormat Masyarakat Malaysia

Ratu Bongsu, selaku pemerintah Gunung Tahan telah menerapkan adat hormat orang Melayu di kalangan para pengikutnya. Walaupun berada di Puncak Gunung Tahan, mereka masih lagi mengamalkan adat hormat orang Melayu seperti menghormati raja-raja Melayu. Adat tersebut digunakan oleh orang Bunian di Puncak Tahan ketika menghormati Ratu Bongsu selaku pemerintah. Contoh ini dapat dilihat seperti dalam petikan di bawah:

Tidak berapa minit kemudian menjelma seorang lelaki yang tegap membawa sebilah golok lalu sujud di kaki Ratu Bongsu menyembah dan menghormati akan tuan penghulu gunung itu.

(Putera Gunung Tahan, hlm: 64)

Adat hormat orang Melayu lain yang digunakan oleh Ratu Bongsu dan para pengikutnya adalah menghormati sesuatu yang ajaib. Perkara ini digambarkan oleh pengarang dalam teks *Putera Gunung Tahan* apabila Ratu Bongsu membawa Tuan William ke Taman Indra Kayangan untuk menggunakan pohon beringin; mendengar suara-suara dari jauh. Ketika sampai pada pohon beringin, Ratu Bongsu dan Tuan William memberi hormat seperti berikut:

Apabila sampai di bawah pohon kaya itu Ratu Bongsu pun bertelut menyembah menundukkan kepalanya dengan diikuti oleh Tuan William dari belakang.

(Putera Gunung Tahan, hlm: 72)

Demikianlah antara adat hormat orang Melayu yang digambarkan oleh pengarang dalam teks *Putera Gunung Tahan*. Pengarang cuba menunjukkan betapa kuatnya penerapan budaya Melayu ini yang bukan sahaja digunakan oleh orang Melayu, tetapi juga dilakukan oleh orang asing seperti Tuan William.

Bagi masyarakat Cina pula, mereka menghormati seseorang dengan cara berdiri dan memberi tepukan. Pernyataan *non-verbal* ini dapat dikesan dalam novel *Julia* karya Abu Hassan Morad (2000). Julia diberi

penghormatan oleh keluarga Jun atas ketabahannya menjaga adik-adik dan syarikat keluarga setelah kematian kedua ibu bapanya.

“Hebat...” Tiba-tiba Encik Francis Tan menepuk tangan. Dia berdiri dan diikuti oleh keluarga yang lain. Mereka mengucapkan tahniah dan memberi penghormatan kepadaku.

(Julia, hlm: 166)

### Pernyataan *Non-Verbal* sebagai Cerminan Rasa Hati Individu

Manusia sentiasa berada dalam keadaan berperang dalam dirinya; suka, duka, gelisah, keluh-kesah, dan sebagainya. Dalam novel *Seteguh Karang*, Tuan Faridah Syed Abdullah (1991) menggunakan pernyataan *non-verbal* untuk menunjukkan rasa hati seseorang individu. Dalam novel ini digambarkan watak Maysarah yang sentiasa murung, tidak dapat menerima kematian akan kedua ibu bapanya. Seterusnya, mengabaikan tanggungjawabnya kepada adik-adiknya sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan adik-adiknya. Implikasi daripada pernyataan *non-verbal* tersebut telah mencetuskan konflik dalam keluarga. Fenomena tersebut dapat dilihat dalam dua petikan berikut:

#### Petikan I

“Aku pulang bukan untuk melihat kemurungannya. Aku pulang untuk merehatkan fikiran yang penuh kacau-bilau di kampus. Aku malahan benci untuk pulang kerap ke rumah kerana adanya kemurungan pada wajah itu.”

(*Seteguh Karang*, hlm: 17)

#### Petikan II

“...Kau hanya mementingkan diri sendiri, kau hanya mencari kepuasan sendiri ! Kau puas dengan menayangkan muka murungmu...”

(*Seteguh Karang*, hlm: 241)

Tindakan Maysarah tersebut sesuai dengan teori psikologi Freud yang mengatakan seseorang yang berhadapan dengan keadaan tegang dengan cara lekatan dan regresi, tidak akan menyelesaikan masalah mereka dengan cara yang efektif. Oleh yang demikian, mereka bertindak kurang rasional (Rober D. Nye, 1992:48).

Pernyataan *non-verbal* untuk menunjukkan rasa hati individu juga dapat dilihat dalam novel *Konserto Terakhir*. Dalam novel ini, pengarangnya, Abdullah Hussain (1980) memperlihatkan watak Datin Salmah. Datin Salmah mewakili golongan bandar yang angkuh dengan kedudukan dan pangkat yang ada pada keluarganya. Pandangan rendah beliau terhadap anak saudara Datuk Johari yang hanya belajar setakat darjah empat sekolah Melayu dapat dilihat melalui memek mukanya, misalnya:

Datin Salmah mencebikkan bibirnya.

(Konserto Terakhir, hlm: 10)

Melalui pernyataan *non-verbal* tersebut secara tidak langsung mencerminkan bahawa terdapat segelintir masyarakat pada ketika itu amat mementingkan status, pangkat, dan harta. Mereka memandang rendah kepada golongan yang tidak setaraf dengan mereka. Hal yang sama juga dapat dilihat melalui watak Mohsin, anak saudara Datin Salmah. Dia juga memandang rendah terhadap Hilmi. Sewaktu terjumpa dengan Hilmi di stesen minyak, dia langsung tidak menghormati Hilmi sebagai anak saudara Datuk Johari, iaitu suami kepada ibu saudaranya. Perlakuan Mohsin ini dapat dilihat melalui pernyataan *non-verbal* seperti contoh berikut:

Mata Mohsin yang merenungnya begitu tajam, seperti ia mau menelan Hilmi hidup-hidup. Tetapi Hilmi berpura-pura tidak tahu, ia terus berjalan mendapatkan Ah Kong.

(Konserto Terakhir, hlm: 109)

## Pernyataan Non-Verbal Mencerminkan Budaya Hidup Masyarakat Kota

Dalam novel *Konserto Terakhir*, Abdullah Hussain (1980) turut memaparkan budaya hidup masyarakat kota seperti pergaulan bebas yang mencerminkan masyarakat yang rendah moralnya. Pergaulan bebas dalam kalangan muda-mudi kian mendapat tempat dalam masyarakat kini. Abdullah Hussain memperlihatkan lahirnya generasi yang rendah moral disebabkan oleh galakan daripada keluarga sendiri. Contohnya, keluarga Datuk Johari dan Datin Salmah tidak pernah menegur kelakuan negatif Mohsin dan Hayati walaupun hal tersebut terjadi di depan mata mereka. Mereka menganggap perkara tersebut adalah perkara biasa. Maka, etika kekeluargaan yang kukuh adalah penting untuk membendung masalah tersebut. Keadaan ini dapat dilihat melalui pernyataan *non-verbal* seperti dalam petikan di bawah:

“Christian Dior,” ujar Mohsin lagi. “Terima kasih.” Dia lalu memeluk bahu Hayati dan mencium pipinya.

(Konserto Terakhir, hlm: 83)

Dalam satu peristiwa yang lain, Abdullah Hussain melalui pernyataan *non-verbalnya* mencerminkan masyarakat kota yang beragama Islam, tetapi tidak mengendahkan tentang larangan agamanya. Golongan ini diwakili oleh keluarga Datuk Johari. Sebagai ketua keluarga, Datuk Johari gagal menerapkan nilai-nilai Islam kepada anak dan isterinya. Lantaran itulah mereka hanyut dengan arus kehidupan Barat. Jika dilihat dari sudut psikologi, lahirnya tingkah laku sedemikian kerana id seseorang itu begitu kuat sehingga tidak dapat dikawal oleh ego. Pernyataan verbal yang mencerminkan fenomena tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

...Kadang-kadang pulang jauh malam dalam keadaan pening-pening lalat kerana champagne dan sherry yang berlebihan. Mini bar di rumahnya mau di bawa ke mana, padahal itulah kebanggaannya ketika tamu-tamu datang ke rumah melihat botol-botol yang berbagai bentuk tersusun dengan indah.

(Konserto Terakhir, hlm: 128)

Oleh itu, dalam Islam, akal merupakan alat yang penting untuk membuat pemilihan di antara yang betul dan yang salah. Allah selalu memerintahkan manusia agar menggunakan akalnya supaya dapat memahami fenomena alam semesta ini (Djamaludin Ancok dan Fuad Nashori Suroso, 1994:158). Sehubungan itu, N.Z Abidin (1992:60) mengatakan punca sebenar gejala sosial berlaku adalah disebabkan oleh sikap masyarakat itu sendiri. Keadaan masyarakat itu sendiri yang mencorakkan suasana persekitarannya. Masyarakat kini lebih diorientasikan kemewahan dan kesenangan yang bersifatkan kebendaan.

## Kesimpulan

Bahasa sebagai medium komunikasi tidak hanya terbatas pada bentuk yang bersifat verbal semata-mata. Namun, pernyataan yang bersifat *non-verbal* juga dapat dijadikan saluran untuk melahirkan atau mengekspresi makna dan pemikiran. Bahkan, gerak-geri yang dapat ditafsirkan sebagai pernyataan *non-verbal* mendukung makna dan maksud, antaranya; keterbukaan, kesediaan, keresahan, keyakinan diri hubungan, dan kecurigaan. Namun begitu, sama ada pernyataan verbal maupun *non-verbal*, pengguna bahasa masih terikat dengan lingkungan dan faktor-faktor tertentu yang mewajarkan pernyataan tersebut dilakukan. Oleh itu, pernyataan sama ada yang dilakukan secara verbal atau *non-verbal* akan mengambil kira tatacara yang dapat memenuhi sifat kehalusan dan kemurnian sesuatu bahasa serta budaya. Sesungguhnya, dalam menjalin komunikasi, aspek yang perlu dipertimbangkan adalah keintiman dan keupayaan menghasilkan tindak balas atau respons yang dapat memberikan keselesaan kepada kedua-dua pihak yang terlibat dalam interaksi.

## Rujukan

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2004. *Komunikasi Intim*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Hussain, 1990. *Konserto Terakhir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Abu Hassan Morad, 2000. *Julia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn.Bhd.

David Kaplan dan Robert A. Manners, 2002. *Teori Budaya*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Djamaludin Ancok, Fuat Nashori Suroso, 1994. *Psikologi Islamisasi: Salusi Isla Atas Problem-Problem Psikologi*, Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar.

Gordon R. Wainwright, 2006. *Membaca Bahasa Tubuh*, Yogyakarta: Penerbit Baca.

Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub, 1997. *Psikologi Personalit*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Haji Muhammad, 1989. *Putera Gunung Tahan*, Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agensi.

Tuan Faridah Syed Abdullah, 1991. *Seteguh Karang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.